



**PEKELILING  
SURUHANJAYA PENGANGKUTAN AWAM DARAT  
BIL. 7 TAHUN 2013**

---

**PENETAPAN HAD USIA TEKSI LAPANGAN TERBANG**

**TARIKH: 22 OGOS 2013**

## **PENETAPAN HAD USIA TEKSI LAPANGAN TERBANG**

### **1. TUJUAN**

Pekeliling ini bertujuan untuk memaklumkan mengenai penetapan had usia bagi semua teksi lapangan terbang (“Teksi Lapangan Terbang”) yang beroperasi di semua lapangan terbang di Semenanjung Malaysia.

### **2. LATAR BELAKANG**

2.1 Suruhanjaya Pengangkutan Awam Darat (“S.P.A.D.”) bertanggungjawab ke atas penambahbaikan sistem pengangkutan awam darat di negara ini. Penambahbaikan ini, antara lain melibatkan perancangan induk, infrastruktur, dasar dan pelesenan.

2.2 Sejar dengan aspirasi Kerajaan untuk memberikan perkhidmatan pengangkutan awam darat yang selamat, boleh diharap, responsif, mudah diakses, cekap, terancang, bersepadu dan mapan, S.P.A.D. telah diberi mandat untuk mengawalselia dan memantau prestasi perkhidmatan yang diberikan oleh semua pengendali pengangkutan awam darat.

- 2.3 Sebelum ini, tiada sebarang syarat had usia bagi kenderaan perkhidmatan awam kelas Teksi Lapangan Terbang ditetapkan di dalam syarat lesen pengendali Teksi Lapangan Terbang.
- 2.4 Penetapan had usia bagi Teksi Lapangan Terbang adalah untuk memastikan agar kenderaan yang digunakan sentiasa berada di dalam keadaan yang terpelihara, mudah diurus dan selamat bagi menawarkan perkhidmatan yang selesa serta imej yang positif kepada penumpang, khususnya pelancong asing.

### **3. PERKARA-PERKARA YANG HENDAK DIMAKLUMKAN**

- 3.1 Semua kenderaan yang hendak dilesenkan sebagai Teksi Lapangan Terbang hendaklah berusia tidak lebih dari lima (5) tahun daripada tarikh ianya dibuat.
- 3.2 Berkuatkuasa 1 Januari 2015, had usia bagi kenderaan yang dilesenkan di bawah kelas Teksi Lapangan Terbang akan dijadikan sebagai salah satu syarat khas kepada lesen pengendali Teksi Lapangan Terbang.
- 3.3 Syarat khas yang dinyatakan di dalam Perkara 3.2 adalah seperti berikut:

**“Had usia kenderaan hendaklah tidak melebihi sepuluh (10) tahun dari tarikh kenderaan tersebut dibuat.”**

3.4 Seksyen 22(3) Akta Pengangkutan Awam Darat 2010 memperuntukkan seseorang pengendali berlesen yang gagal mematuhi syarat yang dikenakan pada lesen pengendali melakukan suatu kesalahan dan boleh, apabila disabitkan, boleh didenda sehingga lima ratus ribu ringgit atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi dua tahun atau kedua-duanya.

#### 4. TARIKH KUATKUASA PEKELILING

Arahan pekeliling ini berkuat kuasa mulai **22 Ogos 2013**.

**“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”**



**(MOHD NUR ISMAL BIN MOHAMED KAMAL)**

Ketua Pegawai Eksekutif

Suruhanjaya Pengangkutan Awam Darat